



PNC LEPASI AUDIT PEMANTAUAN SIRIM MS ISO 9001:2008



Aine Jamaliah (kiri) menerima cenderamata daripada Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha.

SERDANG, 18 Oktober – Pejabat Naib Canselor (PNC) Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melepasi Audit Pemantauan SIRIM pensijilan MS ISO 9001: 2008 pada 14 dan 15 Oktober lalu.

Juruaudit SIRIM QAS International, Aine Jamaliah Mohamad Zain berkata hasil audit menunjukkan terdapat penambahbaikan dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PNC dengan mendapat sifar laporan ketidakpatuhan (NCR) dan dua cadangan penambahbaikan (OFI).

“Ini bermakna PNC berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO tanpa syarat bagi skop perkhidmatan korporat merangkumi pentadbiran, audit dalam, perancangan korporat, komunikasi korporat, penerbitan dan skop baru pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan,” katanya semasa mesyuarat penutup pembentangan laporan audit dan pengesyoran.

Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pada majlis itu bahawa selepas ini, SPK Pejabat Naib Canselor akan digabungkan di bawah satu pensijilan dengan urus setianya terletak di bawah Pejabat Pendaftar.

Walau bagaimanapun beliau berpendapat PNC sepatutnya tidak perlu menerima OFI kerana kesemua staf telah bekerja keras menghadapi audit kali ini selain PNC sepatutnya menjadi contoh kepada yang lain.

“Semoga kejayaan mengekalkan pensijilan ini akan menjadi pemangkin untuk terus melagang usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan PNC ke tahap yang lebih tinggi untuk memenuhi kepuasan pelanggan,” katanya.

Sementara itu Wakil Pengurusan PNC, Rosdi Wah berkata PNC mengucapkan penghargaan kepada Naib Canselor atas segala sokongan termasuk semua Pengarah, Ketua Bahagian, Pegawai Kawalan Dokumen, semua Timbalan Wakil Pengurusan dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen, Penyelaras Audit Dalam, Penyelaras Kualiti ICT, Penyelaras Kajian Kepuasan Pelanggan, Juruaudit Dalaman SPK, semua pegawai dan staf yang telah memberikan komitmen dan kerjasama padu dalam menjayakan SPK PNC.

“Proses pemurnian dan penyeragaman prosedur dan arahan kerja sedang berjalan. Sesi penerangan dan latihan akan terus diadakan secara berperingkat untuk membolehkan staf mempunyai kefahaman yang tinggi,” katanya.



Aine Jamaliah (kiri) ketika membuat semakan pemantauan dengan Rosdi Wah.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Khairul Anuar Muhamad Noh, 03-89466013, Fotografi Unit Foto BKK 03-89466199).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia